



Kenyataan Media Kementerian Belia dan Sukan

Standard Chartered KL Marathon 2015 bakal berlangsung pada 10 Oktober sempena Hari Sukan Negara

Maraton utama bagi Hari Sukan Negara yang pertama

PUTRAJAYA, 13 JULAI - Hari Sukan Negara (HSN) yang julung kali bakal disambut pada 10 Oktober ini akan menyaksikan acara Standard Chartered KL Marathon (SCKLM) 2015 sebagai salah satu aktiviti utama sambutan.

Maraton terkemuka yang telah mencatatkan pendaftaran penuh 35,000 peserta hanya dalam tempoh empat hari pendaftaran dibuka baru-baru ini, akan memberi impak positif kepada sasaran tiga juta penglibatan rakyat dalam HSN di seluruh negara kelak. Ini juga bermakna acara maraton itu telah dianjak ke hari Sabtu, 10 Oktober 2015 dari tarikh 4 Oktober (Ahad) yang diumumkan sebelum ini.

Hari Sukan Negara akan diraikan secara serentak di peringkat daerah, negeri dan kebangsaan pada Sabtu kedua bulan Oktober bermula tahun ini, serta pada tahun-tahun berikutnya. Sambutan ini mempunyai pelbagai objektif antaranya menerapkan budaya bersukan, meningkatkan perpaduan, menjana tumbesaran ekonomi, meluaskan pengetahuan sukan serta mengenal pasti bakat-bakat sukan negara.

"Kami mengalu-alukan kesudian Dirigo Events dan Standard Chartered (Bank) kerana memberi sokongan kepada HSN dengan bersetuju mengubah tarikh maraton tersebut.

"Penglibatan dan sokongan 35,000 peserta maraton pada Hari Sukan Negara yang pertama ini adalah sesuatu yang signifikan. Sejak 2009, Standard Chartered KL Marathon telah menarik penyertaan bukan sahaja di Malaysia tetapi dari seluruh dunia. Kami akui perubahan tarikh ini akan menimbulkan kesulitan kepada peserta dan penganjur," kata Menteri Belia dan Sukan, Khairy Jamaluddin.

Beliau memberi jaminan bahawa kementeriannya akan memberikan sepenuh tenaga dan bekerjasama rapat dengan penganjur bagi memastikan peralihan tarikh yang lancar buat para peserta.

Pihak penganjur, Dirigo Events akan menghubungi kesemua peserta SCKLM 2015 dan menawarkan beberapa alternatif. Para peserta juga dinasihatkan supaya melayari laman web utama www.kl-marathon.com atau mengikuti saluran Facebook dan Twitter untuk maklumat terkini.

Facebook: <http://www.facebook.com/SCKLmarathon>

Twitter: www.twitter.com/SCKLmarathon

Instagram: <https://instagram.com/SCKLmarathon>



Press statement by the Ministry of Youth and Sports

Standard Chartered KL Marathon 2015 moves to October 10 as part of the National Sports Day

Flagship Marathon of First Ever National Sports Day

PUTRAJAYA, 13 JULY- The inaugural *National Sports Day* which will fall on the 10th of October 2015 will see the Standard Chartered KL Marathon 2015 as the flagship event in its activity line-up.

The Marathon, which saw all 35,000 spots snapped up within 4 days, will lend a big boost to the targeted 3 million participants for the inaugural *National Sports Day*. This means that the iconic race will move from its announced date of Sunday, October 4 to Saturday, October 10, 2015.

National Sports Day will be celebrated simultaneously at district, state and national levels on the second Saturday of October each year following the inaugural event. The celebration has multiple objectives of inculcating a sporting culture, promoting unity, stimulating economic growth, growing sporting knowledge and recognising sporting talent.

"We thank Dirigo Events and Standard Chartered Bank for agreeing to move the Marathon date in support of the National Sports Day," said Minister of Youth and Sports, Khairy Jamaluddin.

"It's very significant to have the support of the 35,000 runners. Since 2009, the Standard Chartered KL Marathon has attracted participation from all over the country and abroad. We recognise that the date change will pose some challenges to runners and organizers," he said.

He added that the ministry will work closely with the organisers to make the transition as smooth as possible for participants.

The race organiser, Dirigo Events, will be contacting all participants of the Standard Chartered KL Marathon (SCKLM) to provide some options soon. Runners are also advised to check the official website: www.kl-marathon.com for more information and follow them on Facebook and Twitter for updates.

Facebook: <http://www.facebook.com/SCKLmarathon>

Twitter: www.twitter.com/SCKLmarathon

Instagram: <https://instagram.com/SCKLmarathon>